



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN KHAMIS, 23 OKTOBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



23/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KERAJAAN JAMIN TIADA KENAIKAN KOS BINA PUSAT SUBFERTILITI NEGARA		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1462027/kerajaan-jamin-tiada-kenaikan-kos-bina-pusat-subfertiliti-negara	BHARIAN.COM.MY	
	https://thesun.my/cerita/berita/kerajaan-jamin-tiada-kenaikan-kos-bina-pusat-subfertiliti-negara-HB15140227	THESUN.MY	
	https://bernama.com/bm/news.php?id=2481579	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/government-guarantees-no-cost-increase-for-national-subfertility-centre-OG15139241	THESUN.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/753548/berita/kos-bina-pusat-subfertiliti-di-shah-alam-kekal-rm171-juta---noraini	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php//bfokus/world/news.php?id=2481564	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	KERAJAAN SASAR BANTU 30,000 PASANGAN BUAT RAWATAN KESUBURAN		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1462022/kerajaan-sasar-bantu-30000-pasangan-buat-rawatan-kesuburan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php//bfokus/world/news.php?id=2481566	BERNAMA.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/22/govt-targeting-30000-couples-to-benefit-from-subsidised-fertility-treatment	THESTAR.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/753536/berita/nasional/kerajaan-bantu-30000-pasangan-alami-masalah-kesuburan-menerusi-program-buai	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-sasar-bantu-30000-pasangan-buat-rawatan-kesuburan-544030	ASTROAWANI.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/government-targets-30000-couples-for-fertility-treatment-aid-KG15139333	THESUN.MY	
	https://themalaysianreserve.com/2025/10/22/govt-targets-30000-couples-to-benefit-from-fertility-treatment-aid/	THEMALAYSIANRESERVE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



23/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	JKM PAHANG BERSEDIA SEPENUHNYA HADAPI MTL DIJANGKA BERMULA 5 NOVEMBER INI		POSITIF

<https://pahangmedia.my/archives/49251>

PAHANGMEDIA.MY

<https://www.youtube.com/shorts/tf6TLuaPNhg>

YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	DISIPLIN BUKAN PENDERAAN, TANDA KASIH BINA HARGA DIRI		POSITIF

[https://www.hmetro.com.my/rencana/2025/10/1278381/disipli
n-bukan-penderaan-tanda-kasih-bina-harga-diri](https://www.hmetro.com.my/rencana/2025/10/1278381/disipli
n-bukan-penderaan-tanda-kasih-bina-harga-diri)

HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	TINGKATKAN KESEDARAN UNDANG-UNDANG KEIBUBAPAAN DEMI KESELAMATAN ANAK		POSITIF

[https://malaysiatribune.news/berita-semasa/tingkatkan-
kesedaran-undang-undang-keibubapaan-demi-keselamatan-
anak/](https://malaysiatribune.news/berita-semasa/tingkatkan-
kesedaran-undang-undang-keibubapaan-demi-keselamatan-
anak/)

MALAYSIATRIBUNE.NEWS

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	POLIS PANDANG SERIUS PENINGKATAN KES ROGOL, SUMBANG MAHRAM BAWAH UMUR		POSITIF

[https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1278563/polis-
pandang-serius-peningkatan-kes-rogol-sumbang-mahram-
bawah-umur](https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1278563/polis-
pandang-serius-peningkatan-kes-rogol-sumbang-mahram-
bawah-umur)

HMETRO.COM.MY

[https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/10/
22/terengganu-records-70-rape-incest-cases-in-first-9-months](https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/10/
22/terengganu-records-70-rape-incest-cases-in-first-9-months)

FREEMALAYSIATODAY.COM

[https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-
jenayah/senarai-artikel/polis-serius-atasi-peningkatan-kes-rogol,-
sumbang-mahram-bawah-umur](https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-
jenayah/senarai-artikel/polis-serius-atasi-peningkatan-kes-rogol,-
sumbang-mahram-bawah-umur)

BERITA.RTM.GOV.MY

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



23/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.sinarharian.com.my/article/753546/berita/semasa/rogol-sumbang-mahram-kekal-70-kes-di-terengganu-mangsa-termuda-6-tahun	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/22/78-peratus-mangsa-kes-noda-terengganu-bawah-umur/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/10/22/kanak-kanak-berusia-5-dan-6-tahun-antara-mangsa-rogol-termuda-di-terengganu/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.astroawani.com/video/video-terkini-x7sio1/kanakkanak-lima-enam-tahun-jadi-mangsa-rogol-x9shl7o	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	PENGARUH BAHAN LUCAH PUNCA ROGOL SUKA SAMA SUKA DI KELANTAN		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/pengaruh-bahan-lucah-punca-rogol-suka-sama-suka-di-kelantan/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/753505/berita/semasa/pengaruh-bahan-lucah-punca-utama-kes-rogol-suka-sama-suka--polis-kelantan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1278442/polis-kelantan-buka-349-kertas-siasatan-berkaitan-jenayah-seksual-25-kes	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1461838/rogol-ada-remaja-bawa-balik-lelaki-dan-bersama-dalam-bilik-ketika	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/114388/kelantan-police-raise-alarm-over-rise-in-consensual-rape-cases-linked-to-pornographic-exposure	THEVIBES.COM	
	https://siraplimau.com/kes-rogol-suka-sama-suka-meningkat/	SIRAPLIMAU.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



23/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	DUA KANAK-KANAK LELAKI LEMAS DI TASIK MENAWAN		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/dua-kanak-kanak-lelaki-lemas-di-tasik-menawan	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1278398/dua-kanak-kanak-ditemui-lemas-di-tasik-menawan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/753488/berita/semasa/dua-kanak-kanak-ditemukan-lemas-di-tasik-menawan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1461756/dua-kanak-kanak-lemas-di-tasik-menawan-pelangi-indah	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/terkini-dua-kanakkanak-ditemukan-lemas-di-tasik-menawan-543967	ASTROAWANI.COM	
	https://siakapkelikeli.my/2025/10/22/dua-kanak-kanak-ditemukan-lemas-di-tasik	SIKAPKELI.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/22/dua-kanak-kanak-lemas-di-tasik-menawan/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/10/22/dua-kanak-kanak-ditemukan-lemas-di-tasik-menawan/	TVSARAWAK.MY	
	https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2481297	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	WANITA DICULIK BEKAS KEKASIH, DIPUKUL BERTUBI-TUBI KERANA TOLAK CINTA		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/22/wanita-diculik-bekas-kekasih-dipukul-bertubi-tubi-kerana-tolak-cinta/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1278752/gagal-pujuk-cinta-lama-wanita-diculik-bekas-kekasih	HMETRO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/10/22/wanita-diculik-bekas-kekasih-guna-pedang-samurai/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



23/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	WANITA MAUT DIREMPUH KETIKA BANTU MANGSA KENDERAAN TERBABAS		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1462020/wanita-maut-dirempuh-ketika-bantu-mangsa-kenderaan-terbabas	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-maut-dirempuh-treler-ketika-bantu-mangsa-kemalangan/	BULETINTV3.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/nahas-lima-kenderaan-wanita-maut-suami-dan-dua-anak-cedera	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/753557/berita/nahas-5-kenderaan-wanita-maut-ketika-cuba-bantu-mangsa-kemalangan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1278630/wanita-maut-suami-dan-anak-cedera-dirempuh-treler-ketika-bantu-mangsa	HMETRO.COM.MY	
	https://malaysiatribune.news/jenayah-mahkamah/wanita-maut-kemalangan-lima-kenderaan/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/22/wanita-maut-dilanggar-lori-ketika-bantu-mangsa-kereta-terbabas/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/nahas-5-kenderaan-di-manjung-wanita-maut-ketika-cuba-bantu-mangsa-kemalangan-544038	ASTROAWANI.COM	
	https://www.nst.com.my/news/regional/2025/10/1299909/woman-killed-trailer-when-trying-help-accident-victims	NST.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/22/woman-killed-five-others-injured-in-multi-vehicle-pileup	THESTAR.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



23/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	LELAKI MAUT, WANITA CEDERA DITIMPA POKOK TUMBANG DI IBU NEGARA		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/22/lelaki-maut-wanita-cedera-ditimpa-pokok-tumbang-di-ibu-negara/	KOSMO.COM.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/lelaki-maut,-wanita-cedera-dalam-insiden-pokok-tumbang	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1462042/lelaki-maut-wanita-cedera-akibat-pokok-tumbang-di-kl	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2481675	BERNAMA.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/10/22/pemandu-lelaki-maut-wanita-cedera-kereta-dihempap-pokok-tumbang/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/753574/berita/semasa/lelaki-maut-wanita-cedera-kenderaan-dihempap-pokok-tumbang	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiatribune.news/berita-semasa/seorang-lelaki-maut-wanita-cedera-insiden-pokok-tumbang-di-ibu-negara/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1278669/seorang-lelaki-maut-wanita-cedera-dihempap-pokok-tumbang-dalam-ribut-di	HMETRO.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/22/man-killed-woman-injured-as-trees-fall-across-kl	THESTAR.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1299895/fallen-trees-kill-man-injure-woman-during-kl-thunderstorm	NST.COM.MY	
	https://thesun.my/malaysia-news/fallen-trees-kill-man-injure-woman-in-separate-kuala-lumpur-incidents-GB15140457	THESUN.MY	
	https://www.scoop.my/news/272082/man-killed-woman-injured-as-trees-fall-in-sri-hartamas-and-across-kuala-lumpur/	SCOOP.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



23/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	REMAN FASILITATOR KES CABUL BUDAK LELAKI DISAMBUNG TIGA HARI		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1278455/rem-an-fasilitator-kes-cabul-budak-lelaki-disambung-tiga-hari	HMETRO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/10/22/fasilitator-sambilan-cabul-empat-murid-disambung-reman-tiga-hari/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1461848/rem-an-fasilitator-kes-cabul-budak-lelaki-disambung-tiga-hari	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/753516/berita/semasa/rem-an-fasilitator-kes-cabul-budak-lelaki-disambung-tiga-hari	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/fasi-cabul-4-murid-disambung-reman-tiga-hari/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/10/22/fasilitator-didakwa-terlibat-cabul-empat-murid-disambung-reman-tiga-hari/	TVSARAWAK.MY	
	https://thesun.my/cerita/berita/rem-an-fasilitator-disyaki-cabul-empat-murid-disambung-tiga-hari-DG15137325	THESUN.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1299696/court-extends-remand-camp-facilitator-molestation-case-involving-4-boys	NST.COM.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/10/22/motiv-ational-camp-facilitators-remand-extended-over-alleged-molest-of-four-schoolboys-in-balik-pulau/195533	MALAYMAIL.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/remand-extended-for-facilitator-accused-of-molesting-schoolboys-NG15137219	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
13	PENIAGA PATAH KAKI MENGAJU CABUL PELAJAR DALAM KERETA, BILIK		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/peniaga-patah-kaki-mengaku-cabul-pelajar-dalam-kereta-bilik/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1461939/pen-iaga-patah-kaki-kemalangan-mengaku-cabul-pelajar-dalam-kereta-bilik	BHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerajaan jamin tiada kenaikan kos bina Pusat Subfertiiti Negara

Oleh Bernama - Oktober 22, 2025 @ 5:36pm



Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad. Gambar fail

KUALA SELANGOR: Kerajaan memberi jaminan peruntukan kos pembinaan Pusat Subfertiiti Negara di Seksyen 17, Shah Alam, kekal RM171 juta meskipun berlaku kenaikan harga bahan binaan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, berkata setakat ini pihaknya difahamkan tiada kenaikan kos pembinaan dilaporkan, sekali gus tiada penambahan peruntukan terhadap pelaksanaan yang kini berjalan lancar.

"Kos pembinaan pusat berkenaan kekal seperti diluluskan sebelum ini dan tidak terjejas meskipun terdapat kenaikan harga bahan binaan di pasaran. Projek itu dijangka siap dan beroperasi menjelang 2029.

"Pelaksanaan projek di bawah kementerian itu menjadikan hospital (pusat subfertiiti) berkenaan sebagai pusat khusus mengenai kesuburan di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)," katanya di Hospital Al-Sultan Abdullah, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam di sini, hari ini.

Pada Ogos lalu, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan indeks harga seunit simen meningkat antara 0.1 hingga 1.1 peratus berbanding bulan sebelumnya, namun peningkatan kecil itu tidak memberi kesan kepada kos keseluruhan projek.

Noraini berkata, projek itu antara langkah strategik kerajaan menangani isu kadar kesuburan yang semakin menurun dalam kalangan rakyat Malaysia, selain menyediakan kemudahan rawatan lebih komprehensif untuk pasangan yang menghadapi masalah mendapatkan zuriat.

Pada masa sama, beliau berkata, LPPKN turut menyediakan pelbagai subsidi dan kemudahan bagi pasangan yang ingin mendapatkan rawatan termasuk program penilaian kesuburan serta bantuan untuk rawatan seperti kaedah rawatan persenyawaan in-vitro (IVF).

"Program seperti itu bukan saja membantu pasangan berdepan cabaran mendapatkan anak tetapi juga menyokong usaha kerajaan memperkukuh institusi keluarga dan kesejahteraan masyarakat," katanya. - BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerajaan sasar bantu 30,000 pasangan buat rawatan kesuburan

Oleh Bernama - Oktober 22, 2025 @ 5:22pm



Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad

KUALA SELANGOR: Kerajaan menyasarkan 30,000 pasangan di seluruh negara mendapat manfaat dan bantuan menjalani rawatan kesuburan secara subsidi, sekali gus meningkatkan kadar kelahiran yang kini berada pada tahap terendah.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, berkata inisiatif itu boleh dimohon menerusi Program Bantuan Rawatan Kesuburan Advokasi Infertiliti (BUAI) di bawah kendalian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

"Melalui kerjasama strategik antara LPPKN dengan hospital terpilih, pasangan yang berdepan masalah mendapatkan zuriat akan dibantu, terutama mereka yang menepati syarat kelayakan ditetapkan seperti membabitkan kelahiran pertama.

"Program ini juga membantu pasangan mendapatkan rawatan kesuburan seperti prosedur permainan beradas (IUI) dan sokongan advokasi bagi menangani isu kesuburan yang semakin menurun," katanya berucap pada Program Executive Talk Institut Sosial Malaysia (ISM) di Hospital Al-Sultan Abdullah, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam, di sini, hari ini.

Noraini berkata, pelaksanaan program BUAJ selaras komitmen kerajaan memperkukuh institusi keluarga dalam kalangan masyarakat, selain menyokong hasrat negara memastikan kesejahteraan rakyat serta kelangsungan populasi terus terjamin.

Pada masa sama, Noraini berkata, pihaknya turut memperkenalkan program Pendidikan Kekeluargaan (PEKERTI Smart Start) serta Kelab Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Kekeluargaan (KPTI) bagi memberi pendedahan kepada pelajar universiti mengenai ilmu kesihatan reproduktif dan nilai kekeluargaan.

"Melalui KPTI, kita galakkan pelajar universiti menjadi sukarelawan dan rakan sebaya yang boleh berkongsi ilmu dengan rakan lain.

"Inisiatif seperti ini penting untuk memperkukuh kefahaman dan kesedaran mengenai tanggungjawab membina keluarga," katanya.

Mengulas lanjut, Noraini berkata, negara kini berdepan transformasi demografi ketara ekoran perubahan jumlah populasi, iaitu kadar kelahiran mencatat penurunan, sementara jangka hayat rakyat merekodkan peningkatan.

Beliau berkata, kesihatan reproduktif dan dasar kekeluargaan perlu menjadi teras penting kepada negara dalam menghadapi cabaran besar membabitkan sistem kesihatan, jaringan sosial dan daya ekonomi negara.

Terdahulu, Noraini diiringi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UiTM, Prof Dr Mohd Sazili Shahibi menyempurnakan upacara penutupan Executive Talk ISM sambil disaksikan hampir 500 peserta program yang mengambil bahagian dalam tiga siri wacana.

Menurut Perangkaan Penting 2025 diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) baru-baru ini, Malaysia merekodkan bilangan kelahiran hidup terendah sejak 1980 dengan 414,918 kelahiran pada 2024, iaitu menurun sembilan peratus berbanding 455,761 kelahiran pada tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin, berkata kadar kesuburan jumlah (TFR) juga menurun daripada 1.7 anak pada 2023 kepada 1.6 anak bagi setiap perempuan berumur 15 hingga 49 tahun pada 2024. - BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JKM PAHANG BERSEDIA SEPENUHNYA HADAPI MTL DIJANGKA BERMULA 5 NOVEMBER INI

22 October, 2025



Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang, YB Dato' Sabariah Saidan.

Oleh: Norhafizan Zulkifli

Foto: Ezzatul Syafiqah Asmawati

KUANTAN, 22 OKTOBER 2025 : Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pahang telah bersedia sepenuhnya bagi menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) yang dijangka bermula pada 5 November ini.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang, YB Dato' Sabariah Saidan, segala persediaan awal termasuk dari segi pangkalan hadapan juga telah dilaksanakan dengan rapi.

"Setakat ini alhamdulillah... kita bukanlah kata kita tunggu banjir ataupun bencana datang tapi alhamdulillah kita telah bersiap siaga ke arah itu.

"Semua dah selesai. InsyaAllah.

Dan kita juga telah mengadakan kursus kesiapsiagaan bagi menghadapi monsun (MTL)" katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Majlis Sejam-bak Penghargaan Mengiktiraf Yang Terbaik JKM Negeri Pahang yang berlangsung di Swiss-BelHotel Kuantan, di sini, malam tadi. Turut hadir, Pengarah JKM Pahang, Encik Khairul Amri Ahmad.

Dalam majlis berkenaan, seramai lima kakitangan JKM menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2024, manakala dua orang pesara JKM Pahang yang bersara pada tahun 2024 dan 2025 turut diraikan bersama penerima-penerima sijil kecemerlangan lain daripada pelbagai program dan aktiviti.

"Yang terharu juga, kita juga meraikan dua orang pesara yang telah bersara pada tahun ini dan juga meraikan pekerja yang bertukar ke kementerian ataupun negeri lain.

"Ini adalah bagi kita menggalakkan penjawat awam bekerja dengan lebih dedikasi dan membantu dan bekerja. Saya suka menyebutnya, mereka bekerja dengan jiwa. JKM ini kita tahu ya, kebajikan masyarakat, membantu ramai tapi kalau tak bekerja dengan jiwa itu payah jugalah," katanya memaklumkan program berkenaan turut mendapat tajaan Kerajaan Negeri.

Beliau dalam pada itu turut menzahirkan ucapan tahniah dan syabas kepada seluruh warga kerja JKM Pahang atas pencapaian cemerlang yang telah diraih sepanjang tahun ini.

"Saya mengharap supaya penjawat awam khasnya JKM dapat menjalankan tanggungjawab mereka dengan lebih bersemangat, dedikasi dan juga sentiasa berusaha untuk memajukan diri ke tahap yang lebih bagus lagi," ujarnya. -PAHANGMEDIA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Disiplin bukan penderaan, tanda kasih bina harga diri

Aryanti Mustapha



FOTO HIASAN.

Peningkatan pelbagai isu sosial dan kes jenayah dalam kalangan pelajar sekolah pada masa kini mencetus kebimbangan masyarakat yang mula berpandangan bahawa isu itu perlu ditangani secara holistik oleh pelbagai pihak.

Statistik daripada Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun lalu menunjukkan peningkatan penyakit HIV dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah rendah, menengah dan IPTA iaitu membabitkan 222 kes akibat daripada aktiviti seks bebas serta penyalahgunaan barang terlarang.

Kegusaran masyarakat ditambah lagi dengan beberapa kes rogol dan pembunuhan yang berlaku di sekolah pada kebelakangan ini yang amat dangkal untuk diterima masyarakat.

Situasi itu membuka ruang kepada pelbagai pihak dalam masyarakat untuk membentuk persepsi bahawa kesalahan terhadap salah laku pelajar wajar diletakkan kepada guru dan Kementerian Pendidikan.

Keterbatasan kuasa guru dalam melaksanakan hukuman rotan bertujuan membentuk dan melentur disiplin pelajar turut menyumbang kepada lahirnya sikap kurang beradab serta kurang menghormati guru.

Hukuman seperti rotan, berdiri di atas kerusi, ketuk ketampi dan berdiri di luar kelas antara bentuk tindakan disiplin pernah diamalkan di sekolah sekitar 1980-an dan 1990-an.

Pendekatan terbabit dilihat berperanan dalam membentuk murid yang berdisiplin, berakhlak serta patuh kepada peraturan sekolah.

Paradigma dalam kalangan ibu bapa masa kini menunjukkan kecenderungan untuk bersikap terlalu melindungi (*overprotective*) terhadap anak, dengan beranggapan bahawa hukuman disiplin seperti denda atau rotan adalah satu bentuk penderaan fizikal yang boleh memberi kesan trauma terhadap emosi pelajar.

Naratif sedemikian semakin dinormalisasikan dalam kalangan masyarakat, khususnya ibu bapa yang melihat tindakan disiplin sebagai sesuatu yang tidak berperikemanusiaan.

Situasi ini dapat diperhatikan apabila dua guru disiplin ditahan polis pada 2023 dan berdepan hukuman penjara sehingga 10 tahun selepas laporan dibuat ibu bapa berhubung tindakan merotan pelajar.

Fenomena ini menimbulkan stigma dalam kalangan sesetengah ibu bapa bahawa guru tidak lagi mempunyai autoriti untuk melaksanakan hukuman disiplin, seolah-olah pelajar masa kini dianggap 'tidak boleh disentuh' (*untouchable*) oleh mana-mana bentuk tindakan tegas daripada pihak sekolah.

Justeru, tanggungjawab guru untuk mendisiplin pelajar pada masa kini menjadi lebih mencabar akibat campur tangan daripada segelintir ibu bapa yang tidak membenarkan pihak sekolah menghukum anak mereka.

Realitinya, pelajar pada masa kini berdepan pelbagai cabaran sosial, disiplin dan tekanan emosi akibat daripada pengaruh media sosial, gamifikasi dan kecenderungan mereka untuk mempraktikkan secara realiti apa yang dibaca dan dilihat di laman web.

Pemantauan terhadap penggunaan gajet, gamifikasi dan media sosial pada dasarnya bermula dari rumah.

Namun demikian, tahap kepekaan ibu bapa terhadap laman web yang dilayari anak-anak menjadi aspek penting dalam memastikan penggunaan teknologi secara beretika dan terkawal.

Kebanyakan ibu bapa pada hari ini tidak menyedari kesiapan salah laku remaja dan kanak-kanak adalah cerminan didikan daripada ibu bapa sendiri.

Jika anak-anak berkelakuan liar dan di luar batasan manusiawi, adakah ibu bapa perlu dipersalahkan? Ya, jawapan yang berat untuk diterima, tetapi itu adalah hakikat yang perlu ditelan ibu bapa yang menggalas tugas sebagai pelakar corak terhadap kehidupan anak-anak.

Tanpa mengira agama dan bangsa, setiap sistem kepercayaan secara dasarnya mempunyai peraturan khusus untuk hidup berasaskan nilai murni bagi membentuk generasi yang bertamadun dan berakhlak mulia.

Dalam **Hadis Riwayat al-Bukhari**, Nabi Muhammad SAW bersabda: "Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah (suci bersih), maka kedua-dua ibu bapanya yang mencorakkan menjadi Yahudi, atau Nasrani atau Majusi".

Berdasarkan hadis terbabit dapat difahami tanggungjawab untuk mencorak perlakuan dan fitrah anak adalah terletak di tangan ibu bapa.

Ia adalah realiti yang perlu disedari bahawa ibu bapa perlu mengambil tanggungjawab terhadap setiap salah laku yang dilakukan oleh anak-anak.

Peranan ibu bapa sebagai tunjang utama dalam membentuk suasana keluarga yang harmoni, penuh kasih sayang dengan berpaksikan prinsip Rabbani, akan melenturkan jiwa murni anak-anak untuk mempraktikkan akhlak mulia seiring dengan tuntutan keagamaan supaya tidak tergelincir dari landasan utama.

Penulis pensyarah kanan di Jabatan Fiqh Usul dan Sains Gunaan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaysia (UM)

Disiarkan pada: Oktober 22, 2025 @ 7:00am

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KES melibatkan pengabaian dan kecuai terhadap anak-anak perlu kepada penguatkuasaan undang-undang secara menyeluruh terutama dalam memberi kesedaran kepada ibu bapa. - Foto Hiasin

Tingkatkan kesedaran undang-undang keibubapaan demi keselamatan anak

Khadijah Mohamad Nor • 15 hours ago

95 2 minutes read

KUALA LUMPUR – Kes melibatkan pengabaian dan kecuai terhadap anak yang dilaporkan saban waktu menjadi petunjuk jelas masih ramai ibu bapa di Malaysia belum memahami sepenuhnya tanggungjawab mereka di sisi undang-undang.

Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Madya Dr. Nisar Mohammad Ahmad berkata, tahap kesedaran undang-undang ibu bapa di Malaysia masih berada pada tahap sederhana dan tidak menyeluruh.

“

“Masih terdapat banyak kes kecuai dan pengabaian anak yang berlaku di negara ini.

“Ia menunjukkan ramai ibu bapa tidak menyedari bahawa kecuai dalam penjagaan anak boleh membawa kepada implikasi undang-undang yang serius,” katanya kepada Malaysia Tribune.

Mengulas lanjut, Dr. Nisar menjelaskan bahawa Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) memperuntukkan hukuman berat terhadap ibu bapa atau penjaga yang lalai dalam tanggungjawab mereka.

Menurut beliau, Seksyen 31(1) akta berkenaan membolehkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara sehingga 20 tahun atau kedua-duanya bagi kes penganiayaan, pengabaian atau pendedahan kanak-kanak kepada bahaya.



Dr. Nisar berharap usaha meningkatkan kefahaman masyarakat perlu melibatkan institusi pendidikan, komuniti setempat dan NGO.

Sementara itu, Seksyen 33 pula memperuntukkan denda maksimum RM20,000 atau penjara sehingga lima tahun terhadap ibu bapa yang cuai hingga menyebabkan anak melakukan perbuatan berbahaya.

“Malah, ibu bapa yang membenarkan anak bawah umur memandu tanpa lesen juga boleh didakwa di bawah Seksyen 111 Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM2,000 atau penjara enam bulan,” katanya lagi.

Dalam usaha meningkatkan kefahaman masyarakat, Dr. Nisar menegaskan bahawa tanggungjawab itu bukan hanya dipikul oleh kerajaan, malah turut melibatkan institusi pendidikan, komuniti setempat dan badan bukan kerajaan (NGO).

“Inisiatif seperti Transformasi Sekolah 2025 (TS25) dan peranan aktif Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) telah menunjukkan keberkesanan dalam membina hubungan kolaboratif antara sekolah dan komuniti.

“Selain itu, usaha Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang menganjurkan bengkel keibubapaan dan memperkenalkan modul seperti PEKA (Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak) serta KASH Keibubapaan Digital juga perlu dipuji,” ujarnya.



Golongan ibu bapa perlu membina hubungan kolaboratif antara sekolah dan komuniti dalam meningkatkan kefahaman masyarakat berhubung keselamatan anak-anak. - Gambar hiasan

Namun tegasnya, usaha itu masih perlu diperluas ke kawasan luar bandar dan komuniti berpendapatan rendah agar manfaatnya dapat dirasai secara menyeluruh.

Dalam pada itu, Dr. Nisar turut mengemukakan beberapa cadangan bagi memastikan kempen kesedaran undang-undang keibubapaan dapat dilaksanakan secara berkesan.

Antaranya termasuklah kempen bersepadu nasional melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan NGO, pembangunan modul latihan wajib untuk ibu bapa, penyediaan platform digital interaktif bagi penyebaran maklumat undang-undang serta kempen media massa yang menampilkan kisah benar dan nasihat pakar.

“

“Malah, kerajaan boleh mempertimbangkan pindaan undang-undang yang mewajibkan ibu bapa menyertai program pendidikan keibubapaan sebagai syarat kelayakan bantuan sosial atau pendaftaran sekolah,” katanya.

Beliau menekankan membina kesedaran undang-undang dalam kalangan ibu bapa bukan hanya soal kepatuhan terhadap peraturan, tetapi lebih besar daripada itu.

“Ia adalah usaha membentuk masyarakat yang prihatin, bertanggungjawab dan berilmu demi kesejahteraan generasi akan datang,” tegasnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Polis pandang serius peningkatan kes rogol, sumbang mahram bawah umur

Nazdy Harun
am@hmetro.com.my



MOHD Khairi (kin) beramah mesra bersama Kor sukarelawan Polis Siswa Siswi (Kor Suksis) pada Program Keselamatan Jalan Raya Pusat Pengajian Tinggi Negeri Terengganu di UMT. FOTO Ghazali Kori.

Kuala Terengganu: Polis Diraja Malaysia (PDRM) memandang serius peningkatan kes rogol dan sumbang mahram membabitkan mangsa bawah umur, kata Ketua Polis Terengganu Datuk Mohd Khairi Khairudin.

Katanya, di Terengganu sebanyak 60 kes rogol dan 10 sumbangan mahram membabitkan mangsa bawah umur sehingga September lalu.

"Kes rogol bawah umur bukan isu baharu, sebaliknya masalah berulang yang membimbangkan masyarakat dan terus menjadi cabaran besar dalam usaha memastikan keselamatan serta kesejahteraan golongan remaja.

"Justeru, kesedaran dan pendidikan awal perlu diterapkan di peringkat keluarga, dengan ibu bapa memainkan peranan penting dalam memantau serta membimbing anak-anak agar tidak terjerumus menjadi mangsa atau pelaku jenayah," katanya pada sidang media selepas Program Keselamatan Jalan Raya Pusat Pengajian Tinggi Negeri Terengganu di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), di sini, hari ini.

Menurutnya, PDRM juga akan terus mengekang jenayah ini melalui tindakan penguatkuasaan yang tegas serta siasatan menyeluruh.

Katanya, polis juga komited menjaga keselamatan, ketenteraman awam dan kesejahteraan rakyat, demi memastikan negara terus berada dalam keadaan aman, selamat dan sejahtera.

Mengulas mengenai kemalangan dalam kalangan penuntut universiti beliau berkata, Terengganu mencatatkan 33 kes kemalangan jalan raya, dan daripada jumlah itu dua kes kemalangan maut dicatatkan sehingga September lalu.

"Daripada jumlah itu juga lima kes kemalangan parah direkodkan manakala 26 kes kemalangan ringan.

"Angka ini menunjukkan sedikit peningkatan berbanding 32 kes pada tahun lalu, yang mencatatkan tiga kes parah, 26 kes kemalangan ringan dan tiga kes maut," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pengaruh bahan lucah punca rogol suka sama suka di Kelantan



MOHD. Yusoff Mamat semasa berucap pada Program Citra Remaja Unggul di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan. - UTUSAN/KAMARUL BISMIL KAMARUZAMAN

Oleh . YATIMIN ABDULLAH . 22 Oktober 2025, 11:38 am

KOTA BHARU: Pengaruh bahan lucah menjadi penyumbang kepada berlakunya kes rogol suka sama suka dalam remaja bawah umur di negeri ini.

Ketua Polis negeri, Datuk Mohd. Yusoff Mamat berkata, maklumat tersebut hasil pemeriksaan lanjut yang dilakukan pihaknya ke atas telefon bimbit milik remaja terlibat.

“Walaupun berlaku atas dasar suka sama suka, namun bila melibatkan remaja perempuan bawah umur 16 tahun, kes itu dikategorikan sebagai kes rogol mengikut peruntukan undang-undang.

“Perlakuan itu diketahui ibu bapa, guru atau doktor membuat laporan kepada polis berkaitan kejadian tersebut,” katanya selepas merasmikan Program Citra Remaja Unggul di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ismail Petra di sini yang turut dihadiri Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr Zaini Hussin dan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kelantan, Siti Norina Muhamad.

Mohd. Yusoff berkata, kes jenayah seksual di Kelantan menunjukkan peningkatan membimbangkan apabila statistik mencatatkan kenaikan sebanyak 35.8 peratus bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini berbanding tahun lalu.

Katanya, berpandukan rekod, sebanyak 349 kertas siasatan dibuka dari Januari hingga September lalu berbanding 257 kes dalam tempoh sama tahun lepas sekali gus mencatatkan peningkatan sebanyak 92 kes.

“Peningkatan ini menunjukkan keperluan semua pihak memainkan peranan lebih serius dalam membendung gejala sosial melampau yang semakin membimbangkan.

“Gejala rogol dan sumbang mahram kini muncul sebagai musuh sosial berbahaya yang boleh menggugat keharmonian keluarga serta menghancurkan masa depan generasi muda,” ujarnya. – **UTUSAN**

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Dua kanak-kanak lelaki lemas di Tasik Menawan

Nasional - Dicipta: 22 Oktober 2025 09:25 AM



Operasi mencari dan menyelamatkan dua kanak-kanak lelaki yang lemas di Tasik Menawan/ BBP Johor Jaya

JOHOR BAHRU, 22 Oktober- Dua orang kanak-kanak lelaki ditemukan lemas di Tasik Menawan, Taman Pelangi Indah, di sini, awal pagi tadi.

Komander Operasi, Pegawai Bomba Kanan II Mohd Shafie Md Din berkata, seramai 14 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Johor Jaya dikejarkan ke lokasi sejurus menerima panggilan kecemasan pada pukul 9.44 malam tadi.

Pencarian awal dilakukan di permukaan air pada jarak 25 kaki dari tebing sebelum operasi disambung oleh Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA).

Menurutnya, kedua-dua mangsa ditemukan di bawah batu pada kedalaman 10 kaki, kira-kira lima meter dari tebing pada pukul 2.28 pagi.

Mangsa dikenali sebagai Muhammad Rayyan Iskandar Mohamed Hafiziee, 9 tahun, dan Muhammad Khalish Rayqarl Hasimibudi, 10 tahun, disahkan meninggal dunia sebelum diserahkan kepada pihak polis.

Operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) ditamatkan pada pukul 3.05 pagi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Gambar hiasan.

Wanita diculik bekas kekasih, dipukul bertubi-tubi kerana tolak cinta

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA 22 Oktober 2025, 9:40 pm

ALOR GAJAH – Seorang wanita berdepan detik cemas apabila dilarikan bekas kekasihnya dari pekarangan Masjid Ubaidah, Kampung Melaka Pindah sebelum ditikam, dipijak dan dipukul bertubi-tubi di dada serta kepala gara-gara dia menolak cinta lelaki itu, kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira pukul 4.30 petang, mangsa yang berusia 35 tahun dilarikan sejauh kira-kira empat kilometer menggunakan dua buah kenderaan sebelum dia berjaya diselamatkan oleh dua adik lelakinya melalui perkongsian lokasi secara langsung.

Ketua Polis Melaka, Datuk Dzulkhairi Mukhtar berkata, siasatan awal mendapati suspek berusia 38 tahun bersama seorang rakannya telah menaiki sebuah Proton Saga sebelum keluar dari bahagian penumpang belakang dan menarik mangsa sambil mengacukan pisau lapah sepanjang 25 sentimeter ke arah leher wanita terbabit.

Katanya, suspek kemudian bertindak mengangkat mangsa secara paksa dan cuba memasukkannya ke bahagian penumpang belakang, namun wanita itu meronta-ronta menyebabkan dia ditikam di lengan kanan.

"Mangsa kemudian dipukul oleh suspek dengan cara dipijak bertubi-tubi di dada dan ditumbuk di kepala selama dua hingga tiga minit sebelum kereta itu berhenti di kawasan rehat dan rawat yang mangsa tidak dapat pastikan di mana secara spesifik.

"Suspek kemudian memindahkan mangsa ke kereta lain jenis Proton Wira merah miliknya sebelum memandu dan memberitahu wanita itu bahawa dia mahu membawanya ke tempat yang tiada orang lain akan dapat menjumpai mereka," katanya kepada pemberita, hari ini.

Tambahnya, suspek juga didakwa memegang pedang samurai dan menghalakan mata pedang itu ke arah dada mangsa untuk menakut-nakutkannya.

Mengulas lanjut beliau berkata, mangsa yang cuba melarikan diri kemudian merayu untuk suspek membelikannya air dan kenderaan telah diberhentikan di sebuah kedai runcit di Taman Sutera Indah, Kelemak.

"Mangsa ditinggalkan seorang diri di dalam kereta suspek yang berkunci dan dia mengambil peluang menghantar mesej WhatsApp kepada bekas suaminya menggunakan telefonnya yang disorok di dalam poket seluar.

"Mangsa beritahu bahawa dia dilarikan oleh suspek dan telah dcederakan, mangsa juga sempat hantar lokasi langsung (live location) untuk meminta bantuan sebelum suspek kembali meneruskan perjalanan," ujarnya.

Katanya, suspek kemudian memberhentikan kereta di pekarangan sebuah rumah di Alor Gajah sebelum dua adik lelaki mangsa tiba dan memecahkan cermin di bahagian pemandu dari luar.

Ujarnya lagi, suspek yang terkejut telah keluar sambil memegang pedang samurai dan berlaku pergelutan antara mereka, manakala mangsa cuba membantu dengan membaling pasu bunga ke arah muka bekas kekasihnya menyebabkan lelaki itu rebah.

Dzulkhairi berkata, pasukan polis dan ambulans tiba beberapa minit kemudian di lokasi dan membawa mangsa serta suspek ke Hospital Alor Gajah bagi mendapatkan rawatan.

"Motif kejadian dipercayai berpunca kerana mangsa enggan melayan pujukan suspek untuk kembali bersama selepas mengetahui lelaki itu sudah beristeri dan mempunyai anak.

"Hasil siasatan lanjut suspek yang merupakan seorang pesara mempunyai dua rekod lampau jenayah dan lapan berkaitan dadah. Kes disiasat mengikut 363/326 Kanun Keseksaan," katanya. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita maut dirempuh ketika bantu mangsa kenderaan terbabas

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri - Oktober 22, 2025 @ 5.10pm



Wanita maut manakala suami serta dua anak mereka cedera apabila sebuah motosikal yang dinaiki mereka terbabit nahas lima kenderaan termasuk sebuah treler di Jalan Teluk Intan-Sitiawan berhampiran Kampung Kayan di Sitiawan, di sini pagi tadi. - Foto Ihsan Bomba Perak

MANJUNG: Wanita maut manakala suami serta dua anak cedera apabila motosikal mereka terbabit nahas lima kenderaan termasuk sebuah treler di Jalan Teluk Intan-Sitiawan berhampiran Kampung Kayan, di sini, pagi tadi.

Pemangku Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Perak, Shazlean Mohd Hanafiah berkata, nahas itu membabitkan dua motosikal, treler, kereta dan sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) dengan menyebabkan lima daripada keseluruhan 13 mangsa, cedera.

Katanya, panggilan diterima jam 8.19 pagi tadi dengan seramai empat anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sitiawan bergegas ke lokasi kejadian.

Beliau berkata, mangsa yang maut adalah pembonceng motosikal SYM bersama suami dan dua anak mereka yang dikatakan berhenti di tepi jalan bagi membantu dua lelaki dalam kereta Honda yang didapati terbabas lebih awal di bahu jalan.

"Dua lelaki dalam Honda itu tidak mengalami sebarang kecederaan. Wanita berkenaan cuba membantu mangsa dalam kereta Honda terbabit sebelum dilanggar sebuah treler.

"Kemalangan berkenaan turut membabitkan sebuah MPV Toyota Hilux dinaiki lima warga Pakistan serta sebuah lagi motosikal Honda EX5 ditunggang seorang lelaki," katanya dalam kenyataan petang ini.

Beliau berkata, lima warga Pakistan yang menaiki Toyota Hilux itu bagaimanapun selamat, manakala pemandu treler serta penunggang motosikal Honda EX5 masing-masing cedera.

Katanya, bomba melaksanakan kerja penyelamatan menggunakan peralatan hydraulic sehingga mangsa berjaya dikeluarkan dari kenderaan masing-masing dan mangsa yang maut diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut.

Katanya, operasi terkawal jam 9.40 pagi dan tamat sepenuhnya jam 11.10 pagi tadi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Dua buah kereta yang kemek dihempap pokok akibat ribut di ibu negara, petang tadi.

Lelaki maut, wanita cedera ditimpa pokok tumbang di ibu negara

Oleh MOHD. FAHMI ISMAIL 22 Oktober 2025, 5:56 pm

PETALING JAYA – Seorang lelaki maut, manakala seorang wanita cedera dalam kejadian pokok tumbang susulan hujan lebat dan ribut di sekitar Kuala Lumpur petang ini.

Pusat Gerakan Operasi Kuala Lumpur berkata, pihaknya menerima beberapa panggilan berhubung kejadian itu pada pukul 4 hingga 5.30 petang.

"Anggota bomba dikerah ke lokasi terjejas bagi melakukan kerja-kerja menyelamatkan, membersihkan dan memotong pokok tumbang bagi memastikan keselamatan awam di kawasan berkenaan terjamin," katanya dalam kenyataan, di sini.

Antara kawasan terlibat adalah di Jalan Metro Prima, Kepong Baru melibatkan sebuah kereta dihempap pokok menyebabkan seorang wanita berusia dalam lingkungan 30-an cedera.

"Di Persiaran Dutamas, Taman Duta, dua buah kereta dihempap pokok menyebabkan seorang lelaki berusia dalam lingkungan 40-an meninggal dunia.

"Di Jalan Burung Balam, Taman Bukit Maluri pula, sebuah lagi kereta dilaporkan terlibat dalam kejadian sama, namun tiada kemalangan jiwa," katanya.

Kerja-kerja pembersihan dilaksanakan segera di lokasi-lokasi yang terjejas.

"Pasukan bomba Kuala Lumpur akan terus berada dalam keadaan bersiap siaga bagi menghadapi sebarang kemungkinan berikutan cuaca buruk yang dijangka berterusan dalam tempoh terdekat," katanya.

Terdahulu, Kosmo! Online melaporkan dua lokasi di ibu negara terpaksa ditutup sepenuhnya ekoran kejadian pokok tumbang petang ini.

Pusat Info Trafik dan Kawalan Lampu Isyarat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menerusi hantaran di media sosial memaklumkan, kawasan terlibat ialah Jalan Sultan Haji Ahmad Shah menghala ke Jalan Dutamas berhampiran Arte Mont Kiara. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Reman fasilitator kes cabul budak lelaki disambung tiga hari

Siti Aminah Mohd Yusof
am@hmetro.com.my



FASILITATOR sambilan yang disyaki mencabul empat murid lelaki berusia 12 tahun ketika menyertai kem motivasi disambung reman tiga hari ketika dibawa ke Mahkamah Majistret Balik Pulau di sini, hari ini. FOTO Siti Aminah Mohd Yusof

Balik Pulau: Tempoh reman fasilitator sambilan yang disyaki mencabul empat murid lelaki berusia 12 tahun ketika menyertai kem motivasi di Kampung Genting, di sini, disambung tiga hari lagi, bermula hari ini.

Majistret Chia Huey Thing membenarkan lanjutan perintah reman suspek berumur 33 tahun itu sehingga 25 Oktober ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Sebelum ini, suspek yang sudah berkahwin dan mempunyai dua anak ditahan reman selama seminggu bermula 16 Oktober selepas diberkas di rumahnya di Sungai Petani, Kedah pada 15 Oktober lalu.

Minggu lalu, Ketua Polis Daerah Barat Daya, Asisten Komisioner Sazalee Adam dilaporkan berkata, kem motivasi itu membabitkan murid sebuah sekolah kebangsaan dari Kerian, Perak pada 12 Oktober lalu.

Beliau turut dilaporkan berkata, fasilitator jemputan itu dikatakan mencabul mangsa dalam asrama penginapan kem yang menempatkan murid lelaki dan kejadian berlaku pada tengah malam semasa peserta sedang tidur.

Menurutnya, mangsa menceritakan kejadian itu kepada guru besar selepas pulang dari kem berkenaan dan laporan polis dibuat di Balai Polis Bagan Serai, Perak pada hari sama.

Difahamkan, lelaki terbabit turut menghantar kiriman mesej kata-kata tidak wajar dan berbaur gangguan seksual sehingga menjejaskan emosi dua daripada murid tahun enam berkenaan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Peniaga patah kaki kemalangan mengaku cabul pelajar dalam kereta, bilik

Alias Abd Rani - Oktober 22, 2025 @ 2:41pm



Mohamad Danial Arsyad dibawa ke Mahkamah Sesyen Muar sambil bertongkat bagi pertuduhan kes. - Foto NSTP/Alias Abd Rani

MUAR: Seorang peniaga yang patah kaki kanan akibat kemalangan jalan raya, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas sembilan pertuduhan amang seksual fizikal remaja perempuan dalam kereta dan bilik tidur, enam bulan lalu.

Tertuduh, Mohamad Danial Arsyad Mohd Hairolnizam, 19, yang dibawa ke mahkamah sambil bertongkat mengaku bersalah terhadap semua pertuduhan yang dikemukakan di hadapan Hakim Mohd Khairi Haron.

Mengikut pertuduhan pertama hingga kesembilan, dia didakwa melakukan perbuatan itu terhadap mangsa berusia 14 tahun dalam sebuah kereta dan bilik dalam daerah Batu Pahat.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu antara jam 12.47 tengahari hingga 3.22 petang pada 26 April, 17 Mei dan 24 Jun lalu.

Oleh itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a), 14 (b) dan 14 (d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017.

Hukumannya, tertuduh boleh dipenjara hingga 20 tahun dan sebatan bagi setiap pertuduhan dikenakan terhadapnya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Ameerah Allaudeen manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, pendakwaan memohon mahkamah menetapkan tarikh baru untuk laporan sosial daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memandangkan tertuduh dikategorikan sebagai pesalah muda.

Mahkamah membenarkan permohonan pihak pendakwaan dan menetapkan 27 November ini termasuk sebutan fakta dan hukuman serta ikat jamin RM12,000.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA
MADANI

TAJUK : 2 KALI LAWAN KANSER, DR AIESHA BANGKIT SEBARKAN KESEDARAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 23 OKTOBER 2025

M/SURAT : 21

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

2 kali lawan kanser, Dr Aiesha bangkit sebarkan kesedaran

Dua kali disahkan menghidap barah payudara bukanlah ujian kecil, namun bagi Dr Aiesha Asmadi, 41, pengalaman getir itu menjadikannya lebih kuat dan kini berjuang menyebarkan kesedaran agar wanita tidak alpa menjaga diri sendiri.

Segala-galanya bermula ketika beliau berusia 21 tahun, masih bergelar pelajar perubatan.

Gerak hati mendorongnya melakukan pemeriksaan payudara sendiri, langkah kecil yang akhirnya menyelamatkan nyawanya.

"Saya terkejut apabila ditemui ketulan sebesar lima puluh sen di payudara kiri. Apabila disahkan kanser payudara tahap awal, saya hanya mampu terdiam," katanya mengimbas detik itu pada Majlis Pelancaran Kempen 'Stop That Dot Together', baru-baru ini.

Pada 2006 rawatan tidak seperti sekarang dan ketika itu Dr Aiesha perlu menjalani tiga jenis rawatan termasuk pembedahan dan radioterapi.

"Semua rawatan ini amat menyakitkan. Pada usia muda, saya bukan sahaja menanggung kesakitan fizikal, malah emosi



Dr Aiesha (depan, tengah) bersama peserta pada Majlis Pelancaran Kempen 'Stop That Dot Together', baru-baru ini.

juga terganggu. Saya terpaksa tangguh pengajian dan menempuh setahun rawatan penuh cabaran," katanya.

Setelah disahkan bebas kanser, beliau menyangka badai itu berakhir. Namun lima tahun kemudian, ketulan lain muncul. Kali ini di payudara kanan.

"Saya benar-benar kecewa.

Rasa marah, takut dan seolah-olah gagal menjaga diri sendiri. Tapi saya tak punya pilihan selain melawan sekali lagi," katanya yang kini bertugas sebagai jurulatih perubatan.

Dengan sokongan keluarga dan semangat dalaman yang tidak pernah padam, Dr Aiesha menempuh rawatan kali kedua

dengan lebih tabah. Kini, selepas dua kali menewaskan penyakit itu, beliau tampil mengingatkan wanita lain supaya tidak leka.

"Periksa payudara sendiri setiap bulan. Kenali tubuh sendiri. Kanser yang dikesan awal boleh dirawat sepenuhnya," tegasnya dan yakin rawatan kini jauh lebih moden dan tidak lagi sakit

seperti dulu.

Beliau turut menasihatkan, jangan takut membuat pemeriksaan. Kanser bukan pengakhiran hidup.

"Bagi saya, ia permulaan baharu, memberi identiti dan kekuatan yang takkan saya miliki tanpa melalui ujian ini," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : SARINGAN PAYUDARA ELAK RISIKO KANSER, BERI KEYAKINAN WANITA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 23 OKTOBER 2025

M/SURAT : 21

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Saringan payudara elak risiko kanser, beri keyakinan wanita

Pengesanan awal faktor paling penting tingkatan kadar hidup pesakit

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhrencana@bh.com.my

Kanser payudara kekal sebagai kanser utama yang dialami wanita di Malaysia dan berdasarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), satu daripada 20 wanita berisiko menghidapinya.

Pakar Bedah Payudara dan Endokrin, Pusat Perubatan Sunway, Dr Nani Harlina Md Latar, berkata tahap kesedaran dan langkah proaktif untuk mengambil sebarang tindakan bagi mendapatkan rawatan kanser payudara masih belum berada pada tahap memuaskan.

Katanya, satu kajian kebangsaan turut mendedahkan, tujuh

dariada sepuluh wanita percaya saringan hanya perlu dilakukan apabila gejala muncul.

Selain itu katanya, sebahagian lagi mengelak daripada pemeriksaan kerana takut atau tidak suka dengan suasana hospital.

"Satu pertiga kes kanser dapat dicegah melalui gaya hidup sihat, manakala satu pertiga lagi boleh dirawat dengan lebih berkesan jika dikesan awal.

"Saringan payudara bukan sesuatu yang menakutkan, tetapi ia memberi kuasa dan keyakinan kepada wanita.

"Wanita sepatutnya perlu berasa yakin menjalani pemeriksaan dengan mengetahui, setiap alat berharga yang dibangunkan adalah untuk kesihatan dan kesejahteraan mereka," katanya pada Majlis Pelancaran Kempen 'Stop That Dot Together' di sini, baru-baru ini.

Dr Nani berkata, lebih membimbangkan trend semasa menunjukkan, peningkatan kes dalam kalangan wanita muda berusia 45 tahun ke bawah iaitu satu kumpulan yang sebelum ini dianggap berisiko lebih rendah.

Oleh itu katanya, pengesanan awal adalah faktor paling penting untuk meningkatkan kadar

hidup pesakit.

"Malangnya, ramai wanita muda masih datang lewat kerana menyangka perubahan pada payudara mereka tiada apa-apa.

"Ramai pesakit pula mengaku, mereka sedar ada ketulan selama empat atau lima bulan, tetapi beranggapan ia normal, namun apabila datang ke hospital keadaan sudah pada tahap lebih serius," katanya.

Beliau berkata, ramai yang hanya berjumpa doktor apabila sudah ada simptom.

Katanya, saringan awal sepatutnya dibuat sebelum terdapat sebarang simptom dan jika sudah ada ketulan, sakit atau lelehan ia

didiagnosis sebagai kanser.

Katanya, kini, hampir 30 peratus pesakit kanser payudara adalah wanita berusia 45 tahun ke bawah.

"Golongan ini menghadapi cabaran lebih besar kerana mereka masih bekerja, membina kerjaya, berkeluarga dan membesarkan anak-anak," katanya.

Mammogram kaedah utama

Menurut Dr Nani, mammogram adalah kaedah saringan utama dan ia boleh mengesan mikrokalsifikasi iaitu tanda prakanser (DCIS) yang belum menjadi ketulan.

Beliau berkata, ultrasound

pula sebaliknya, ia hanya dapat mengesan ketulan biasanya di Tahap 1 dan bukan untuk saringan awal.

"Ultrasound mudah dibuat, tetapi risiko salah tafsir tinggi jika dilakukan oleh sonografer tanpa latihan mendalam jadi mammogram kekal sebagai keutamaan.

"Malah, teknologi terbaru iaitu 3D tomosynthesis, menjadikan mammogram lebih tepat dan kurang menyakitkan berbanding mesin lama," katanya.

Dr Nani amat menggalakkan semua wanita menjalani pemeriksaan sendiri payudara setiap bulan.

Katanya, masa terbaik untuk menjalani pemeriksaan adalah pada hari ketujuh hingga 10 kitaran haid, manakala bagi wanita menopause pula boleh memilih satu tarikh tetap setiap bulan.

"Semakin kerap dilakukan, semakin peka seseorang terhadap perubahan tubuh sendiri," katanya.

Beliau menegaskan, kanser payudara bukan sahaja membabitkan pesakit itu sahaja, tetapi juga keluarga. Justeru, lebih awal ia dapat dikesan, lebih mudah dirawat dan peluang untuk sembuh.

“Wanita sepatutnya perlu berasa yakin menjalani pemeriksaan dengan mengetahui, setiap alat berharga yang dibangunkan adalah untuk kesihatan dan kesejahteraan mereka”

Dr Nani Harlina Md Latar,
Pakar Bedah Payudara dan
Endokrin, Pusat Perubatan Sunway



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : DUA BUDAK LEMAS DI TASIK MENAWAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 23 OKTOBER 2025

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Dua budak lemas di Tasik Menawan

Mangsa ditemukan di bawah batu pada kedalaman 3 meter kira-kira 5 meter dari tebing

Oleh Mary Victoria Dass
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Dua budak ditemui lemas di Tasik Menawan, Pelangi Indah di sini, awal pagi semalam.

Jabatan Bomba dan Penyelamat menerima panggilan kecemasan jam 9.44 malam kelmarin dan tiba di lokasi jam 9.54 malam.

Komander Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Johor Jaya, Pegawai Bomba Kanan II, Mohd Shafie Md Din, berkata di lokasi pihaknya menemui dua selipar dipercayai milik mangsa,

iaitu Muhammad Rayyan Iskandar Mohamed Hafizee, 9 dan Muhammad Khalish Rayqari Hasmudi, 10.

"Mangsa ditemukan di bawah batu pada kedalaman tiga meter kira-kira lima meter dari tebing pada jam 2.28 pagi.

"Kedua-dua mangsa disahkan meninggal dunia dan mayat diserahkan kepada polis," katanya dalam kenyataan.

Operasi mencari dan menyelamatkan selesai jam 3.05 pagi.

Mimpi adik meninggal

Sementara itu, kakak tiri Muhammad Rayyan Iskandar, iaitu Qisha Adelia Abdullah, 11, berkata sebelum ini dia beberapa kali bermimpi adiknya itu meninggal dunia.

Malah, sehari sebelum kematiannya, dia juga bermimpi Muhammad Rayyan Iskandar datang memeluk dan melambai ke arahnya.

Katanya, dia tidak menyangka mimpi dan pelukan itu menjadi



Anggota bomba ketika operasi mencari Muhammad Rayyan Iskandar (gambar kecil kiri) dan Muhammad Khalish Rayqari yang lemas di Tasik Menawan Taman Pelangi Indah. (Foto ihsan JBPM)

petunjuk Allah adik tirinya yang belajar di Sekolah Kebangsaan (SK) Pelangi Indah akan meninggalkan keluarga selama-lamanya.

Kali terakhir mereka bertemu di kediaman keluarga di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pelangi Indah, di sini, pada jam 6 petang kelmarin dan ketika itu Muhammad Rayyan Iskandar tidak menunjukkan sebarang perubahan ketara.

"Saya nampak dia main bola kira-kira jam 4 petang sebelum balik rumah jam 6 petang dan itu kali terakhir saya nampak dia. Apabila dia tak pulang ke rumah, ibu dan kenalan mula mencari di kawasan sekitar sebelum selipar dan jorannya ditemui di Tasik Me-

nawan," katanya ketika ditemui di Jabatan Perubatan Forensik Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini.

Ibunya, Shuhadah Ramli, 30, pula berkata, jasad anaknya ditemukan di bawah batu di Tasik Menawan jam 2.28 pagi semalam. "Sebelum keluar rumah, dia hanya beritahu mahu bermain dengan rakan di sekitar kawasan PPR. Dia biasa ikut bekas suami saya memancing, namun ini kali pertama dia ke tasik berkenaan.

"Selepas mencari sejak 6.30 petang semalam, akhirnya saya dimaklumkan dia dikhuatiri lemas di Tasik Menawan bersama rakan," katanya.

Sementara itu, Norazmirah Azwab, 42, ibu kepada Muham-

mad Khalish Rayqari, berkata anak sulung daripada dua beradik itu kelihatan lebih ceria ketika meminta izinnya untuk keluar memancing bersama rakan.

"Sebelum ini dia seronok potong rambut, kerap melihat dirinya di cermin. Sebelum keluar rumah semalam, dia kata mahu memancing dan membawa sekali roti untuk dijadikan umpan.

"Selalunya dia akan teman bapanya memancing dan biasa ke tasik yang hanya memiliki air paras lutut. Saya tak pasti mengapa kali ini dia ke lokasi berbeza," katanya yang mengenali Muhammad Rayyan Iskandar sebagai rakan anaknya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : REMAJA 14 TAHUN DITUDUH MEMBUNUH

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 23 OKTOBER 2025

M/SURAT : 09

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Kes pelajar maut ditikam rakan sekolah

Remaja 14 tahun dituduh membunuh

Mahkamah benar permohonan peguam supaya suspek jalani pemeriksaan psikiatri

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Petaling Jaya: Pelajar lelaki berusia 14 tahun dihadapkan ke Mahkamah Majistret Petaling Jaya, di sini semalam atas pertuduhan membunuh rakan sekolahnya, minggu lalu.

Mengikut pertuduhan, remaja berkenaan didakwa membunuh mangsa berusia 16 tahun di tandas perempuan di sekolah menengah di Bandar Utama antara jam 9.20 pagi hingga 9.35 pagi, pada 14 Oktober lalu.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati atau penjara sehingga 40 tahun dan disabit tidak kurang 12 sebatan jika tidak dihukum gantung.

Prosiding dijalankan secara

tertutup mengikut Akta Kanak-Kanak 2001.

Tertuduh memakai pakaian lokap oren hanya menganggu tanda faham selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa dalam bahasa Mandarin di hadapan Majistret Amira Sariaty Zainal.

Tiada pengakuan direkodkan kerana kes bunuh berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Prosiding dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Raja Zaizul Faridah Raja Zaharudin, Aqharie Durrane Aziz dan Nur Sabrina Zubairi, manakala tertuduh diwakili peguam Anwar Ezzad Zainal.

Kes berkenaan ditetapkan untuk sebutan semula pada 21 November depan.

Terdahulu, kenderaan polis tanpa logo dipercayai membawa suspek tiba di pekarangan Kompleks Mahkamah Petaling Jaya, kira-kira jam 8.50 pagi sebelum suspek dibawa masuk melalui laluan belakang bagi prosiding pertuduhan yang dijalankan secara tertutup.

Difahamkan, ibu bapa tertuduh turut berada di mahkamah sepanjang prosiding berlangsung.

Mahkamah turut membenarkan permohonan peguam mewakili pelajar lelaki terabit untuk menjalani pemerik-



Kenderaan dipercayai membawa remaja lelaki berusia 14 tahun tiba di Mahkamah Majistret Petaling Jaya, semalam.
(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

saan psikiatri.

Nilai tahap kewarasan

Permohonan itu dikemukakan peguam, Anwar Ezzad mengikut Seksyen 342 Kanun Tatacara Jenayah bagi menilai tahap kewarasan anak guamnya yang dipercayai mempunyai masalah kesihatan mental.

Peguam Kitson Foong yang hadir sebagai amicus curiae (rakan mahkamah) ketika prosiding pertuduhan berlangsung, mengesahkan permohonan itu dibuat

Anwar Ezzad atas kepentingan tertuduh bagi memastikan dia mendapat rawatan sewajarnya jika disahkan mempunyai masalah mental.

Beliau berkata, tujuan penilaian ialah memastikan tertuduh menerima rawatan sewajarnya jika disahkan mengalami masalah kesihatan mental, selain sebagai langkah perlindungan daripada risiko mencederakan diri sendiri dan keselamatan tahanan lain, katanya.

"Laporan psikiatri mesti me-

rangkumi dua perkara wajib iaitu kelayakan untuk membuat pengakuan dan kefahaman terhadap prosiding hari ini (semalam). Lebih penting, laporan perlu menilai keadaan minda tertuduh ketika kejadian bagi tujuan undang-undang dan penilaian ini lazimnya memerlukan masa tambahan," katanya ditemui selepas prosiding, semalam.

Beliau berkata, remaja terabit dijangka dirujuk ke Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak, bagi pemeriksaan psikiatri.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 'SAYA MIMPI ADIK MENINGGAL DUNIA'

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 23 OKTOBER 2025

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

'Saya mimpi adik meninggal dunia'

Kakak tak sangka mainan tidur jadi kenyataan apabila adik tiri bersama rakan ditemui lemas di Tasik Menawan

Oleh Mary Victoria Dass
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

"Selain beberapa kali mimpi dia meninggal dunia, sehari sebelum dia pergi, saya mimpi dia datang memeluk saya, minta maaf serta melambai saya," kata Nur Qisha Adelia Abdullah, 11.

Dia yang juga kakak tiri kepada Muhammad Rayyan Iskandar Mohamed Hafizee, 9, tidak menyangka mimpi itu bagaikan petunjuk bahawa adiknya itu akan pergi meninggalkan selamanya.

Sebelum kejadian, katanya, kali terakhir dia bertemu adiknya yang menuntut di Sekolah Kebangsaan Pelangi Indah itu



MUHAMMAD Rayyan

adalah di kediaman keluarga mereka di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pelangi Indah, di sini, pada jam 6 petang kelmarin.

"Saya nampak dia main bola kira-kira jam 4 petang, lepas itu dia balik rumah sekejap jam 6 petang. Itu kali te-



MUHAMMAD Khalish

rakhir saya nampak dia.

"Apabila dia tidak pulang ke rumah, ibu serta keluarga mula mencarinya di beberapa kawasan sekitar sebelum menemukan selipar dan jorannya di Tasik Menawan.

"Saya rasa susah hati, hilang harapan untuk bersama adik lagi.

"Biasanya adik yang kejut saya dari tidur, kami gelak ketawa bersama, tidur sama, kini semuanya sudah tiada, saya merindunya," katanya ketika ditemui di Jabatan Perubatan Forensik, Hospital Sultan Ismail (HSI), di sini, semalam.

Ibu Muhammad Rayyan Iskandar, Shuhadah Ramli, 30, berkata, anaknya ditemukan di bawah batu di Tasik Menawan pada jam 2.28 pagi kelmarin.

Menurutnya, sebelum keluar rumah, anaknya hanya menyatakan mahu bermain dengan rakan di sekitar kawasan PPR itu.

"Dia biasa ikut bekas suami saya memancing namun ini kali pertama dia ke tasik berkenaan.

"Selepas mencari arwah sejak jam 6.30 petang, akhirnya saya dimaklumkan dia dihiduati lemas di Tasik Menawan bersama rakan.

"Selama dua hari ini, dia juga tidak keluar rumah kerana tidak berapah sihat dan meluahkan masa bersama saya dan anak perempuan.

"Dia memang seorang yang manja dan mu-

Dua jasad ditemui di bawah batu

Johor Bahru: Dua kanak-kanak ditemukan lemas di Tasik Menawan, Pelangi Indah, di sini, semalam.

Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Johor Jaya, Mohd Shafie Md Din berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada jam 9.44 malam kelmarin.

Beliau berkata, seramai 14 anggota BBP Johor Jaya dibantu Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) ke tempat kejadian dan tiba pada jam 9.54 malam.

"Mereka dibantu masing-masing sebuah jentera Fire Rescue Tender (FRT), satu Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) serta utiliti dikejarkan ke tempat

jadian.

"Apabila sampai di tempat kejadian, terdapat dua selipar ditemukan dipercayai milik mangsa, Muhammad Rayyan Iskandar Mohamed Hafizee, 9, dan Muhammad Khalish Rayyari Hasimudi, 10," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Menurutnya, kedua-dua mangsa ditemukan di bawah batu pada kedalaman tiga meter dari tebing pada jam 2.28 pagi.

"Kedua-dua mangsa disahkan meninggal dunia dan mayat diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut," katanya.

Beliau berkata, operasi mencari dan menyelamat selesai pada jam 3.05 pagi.

dah menangis sedranya ditegur, semoga rohnyadi juga mengeni Muhammad Rayyan Iskandar yang merupakan rakan arwah anaknya.

Sementara itu, ibu Muhammad Khalish Rayyari Hasimudi, 10, Norazmirah Azwab, 42, berkata, anaknya kelihatan lebih ceria sebelum pergi selamanya.

Katanya, anak sulung daripada dua beradik itu meminta izinnya sebelum keluar memancing ikan bersama rakan.

"Sebelum ini dia seronok potong rambut, kerap melihat dirinya di cermin sambil membelai rambut.

"Sebelum keluar rumah semalam (kelmarin), dia ada menyatakan mahu memancing dan membawa seekor rotan untuk dijadikan umpan.

"Selanjutnya dia akan teman bapanya memancing dan biasa ke tasik yang hanya memiliki air sedalam paras lutut, saya tidak pasti mengapa pada kali ini dia

ke lokasi berbeza," katanya.

Norazmirah berkata, dia juga mengenali Muhammad Rayyan Iskandar yang merupakan rakan arwah anaknya.

"Mereka memang rapat kerana belajar di sekolah sama, tidak sangka mereka pulang kepada Pencipta bersama.

"Kehilangannya adalah suatu yang besar bagi kami," katanya.

Dalam pada itu, suasana pilu menyelubungi jabatan Perubatan Forensik HSI semalam apabila kira-kira 50 individu berkumpul bagi memberikan sokongan moral kepada keluarga kedua-dua mangsa lemas.

Berdasarkan makluman keluarga, Muhammad Rayyan Iskandar akan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Felda Ulu Tebrau manakala Muhammad Khalish Rayyari di Tanah Perkuburan Islam Ulu Ti-ram, di sini.



"Biasanya adik yang kejut saya dari tidur, kami gelak ketawa bersama"
Nur Qisha

NUR Qisha (kiri) menunjukkan gambar Muhammad Rayyan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



**MALAYSIA
MADANI**

TAJUK : REMAM FASILITATOR SAMBILAN DISAMBUNG TIGA HARI LAGI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 23 OKTOBER 2025

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

DISYAKI CABUL EMPAT MURID LELAKI

Reman fasilitator sambilan disambung tiga hari lagi

Balik Pulau: Tempoh reman seorang fasilitator sambilan yang disyaki mencabul empat murid lelaki berusia 12 tahun ketika menyertai kem motivasi disambung tiga hari lagi bermula semalam.

Majistret Chia Huey Thing membenarkan lanjutan perintah reman suspek berusia 33 tahun itu sehingga 25 Oktober ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Sebelum ini, suspek yang berkahwin dan ada dua anak direman seminggu bermula 16 Oktober lalu selepas ditahan di rumahnya di Sungai Petani, Kedah pada 15 Oktober.

Sebelum ini, Ketua Polis Daerah Barat Daya, Asisten Komisioner Sazalee Adam dilaporkan berkata, program kem motivasi itu membabitkan murid sebuah sekolah kebangsaan



TEMPOH tahanan reman tertuduh dilanjutkan sehingga 25 Oktober.

dari Perak dan berlangsung pada 12 Oktober lalu.

Menurutnya, suspek adalah fasilitator jempuan dikatakan mencabul mangsa dalam asrama penginapan kem yang menempatkan murid lelaki dan kejadian berlaku pada tengah malam semasa peserta tidur.

Katanya, mangsa menceritakan kejadian itu ke-

pada guru besar selepas pulang dari kem berkenaan sebelum laporan dibuat di Balai Polis Bagan Serai, Perak dan pada hari sama suspek ditahan.

Difahamkan, lelaki terbabit turut menghantar kiriman mesej berbau gangguan seksual sehingga menjejaskan emosi dua daripada empat murid tahun enam itu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

Twitter Facebook Instagram TikTok



TAJUK : REMAJA DITUDUH MEMBUNUH

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 23 OKTOBER 2025

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Remaja dituduh membunuh

Pelajar 14 tahun tikam rakan sekolah didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurulhidayah@hmetro.com.my

Petaling Jaya

Seorang remaja lelaki berusia 14 tahun dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan membunuh pelajar perempuan di sebuah sekolah di Bandar Utama pada 14 Oktober lalu.

Pertuduhan dibaca dalam bahasa Mandarin di hadapan Majistret Amira Sariaty Zainal dalam prosiding tertutup, namun tiada pengakuan direkodkan kerana kes itu di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Raja Zaizul Faridah Raja Zaharudin, Agharrie Durrane Aziz dan Nur Sabrina Zubairi, manakala tertuduh diwakili peguam, Anwar Ezzad Zainal.

Mengikut pertuduhan, pelajar tingkatan satu (peralihan) itu didakwa membunuh remaja perempuan berusia 16 tahun di sebuah

Suspek dibenarkan jalani ujian psikiatri

Petaling Jaya: Remaja lelaki 14 tahun yang dituduh membunuh rakan sekolahnya di Bandar Utama, di sini, pada 14 Oktober lalu dibenarkan menjalani penilaian psikiatri di Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak.

Majistret Amira Sariaty Zainal membenarkan permohonan peguam tertuduh, Anwar Ezzad Zainal mengikut

Seksyen 342 Kanun Tatacara Jenayah. Seksyen itu memperuntukkan prosedur jika tertuduh disyaki tidak sempurna akal yang memerlukan mahkamah menghentikan prosiding dan menjalankan siasatan untuk menentukan keadaan mentalnya.

Peguam Kitson Foong (*gambar*) yang hadir sebagai *amicus curiae* (rakan mahkamah) mengesahkan permohonan itu yang dipohon secara lisan semasa prosiding pertuduhan dijalankan.

Foong yang membantu Anwar Ezzad dalam mengemukakan alasan permohonan itu berkata, ia dibuat demi kepentingan remaja berkenaan bagi memastikannya mendapat rawatan dan perlindungan daripada mencederakan diri sendiri sekiranya disahkan menghidap penyakit mental.

Terdahulu, remaja itu yang juga pelajar tingkatan satu (peralihan) didakwa di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan membunuh remaja perempuan berusia 16 tahun di sebuah sekolah di Bandar Utama pada 14 Oktober lalu.

Difahamkan tertuduh hanya mengangguk faham semasa pertuduhan itu dibacakan dan kekal senyap sepanjang prosiding berkenaan.

tandas perempuan sebuah sekolah di Bandar Utama, di sini, antara jam 9.20 pagi hingga 9.35 pagi, 14 Oktober lalu.

Dia dituduh mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman gantung sampai mati atau penjara maksimum 40 tahun dan sebatan minimum 12 kali.

Mahkamah menetapkan 21 November ini untuk sebutan semula kes.

Sebelum ini, Harian Metro melaporkan seorang pelajar perempuan maut ditikam pelajar lelaki di kawasan tandas perempuan sekolah berkenaan pada 14 Oktober lalu.

Menurut polis, suspek ditahan pada hari sama di lokasi kejadian dan ditemukan dua senjata tajam dipercayai digunakan dalam serangan itu.

Ibu mangsa dalam sidang media Khamis lalu, mendakwa anaknya ditikam lebih 200 kali.

Terdahulu, sebuah kenderaan polis tanpa logo diper-

cayai membawa suspek tiba di pekarangan Kompleks Mahkamah Petaling Jaya jam 8.50 pagi.

Suspek kemudian dibawa masuk melalui laluan belakang bangunan sebelum dibawa ke Mahkamah bagi prosiding pertuduhan dijalankan secara tertutup.

Difahamkan, ibu bapa tertuduh turut berada di mahkamah sepanjang prosiding berlangsung.

Sebelum ini Mahkamah Majistret Petaling Jaya membenarkan suspek di reman tujuh hari sebelum disambung tujuh hari lagi sehingga 28 Oktober ini sebelum dituduh semalam.

Polis sebelum ini mengesahkan pelajar perempuan tingkatan empat maut selepas ditikam berkali-kali di leher dan dada oleh rakan sekolahnya dalam kejadian tragik itu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Shazeli Kahar dilaporkan berkata, mangsa meninggal dunia di lokasi kejadian akibat kecederaan parah.

Tiada pengakuan direkodkan kerana kes itu di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : SHARP RISE IN SEX CRIMES IN KELANTAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 23 OKTOBER 2025

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK



Kelantan police chief Datuk Mohd Yusoff Mamat (centre) and Kelantan Education Department director Siti Norina Muhamad (second from left) at the launch of the Citra Remaja Unggul Programme in Kota Bharu yesterday. NSTP PIC BY NIK ABDULLAH NIK OMAR

349 PROBES

Sharp rise in sex crimes in Kelantan

KOTA BARU: Kelantan police have opened 349 investigation papers on sexual crimes between January and September this year, a sharp increase from 257 cases during the same period last year.

State police chief Datuk Mohd Yusoff Mamat said the 92-case rise was alarming, with most offences involving rape and sexual crimes against children.

He said the cases also included outraging of modesty, sodomy, obscene gestures, distribution of pornography and stalking.

"The problem of sexual crime, especially rape, in Kelantan is se-

rious," he said.

"The responsibility to curb this menace does not rest solely on the police but on all parties."

"It is difficult for us to prevent such crimes because they can occur anywhere — in cars, at home, and elsewhere.

"That's why the role of parents in monitoring their children is crucial, supported by schools and the community."

Yusoff said this at the launch of the Citra Remaja Unggul Programme here yesterday. Present was state Education Department director Siti Norina Muhamad.

He added most statutory rape cases involved underage girls inviting their partners home for a tryst.

"Imagine, there are cases where teenage girls bring boys home, and the parents are in the house. They have intercourse in the room while the parents are at home," he said.

Separately, Yusoff said 25 investigation papers were opened between January and September over bullying cases in schools.

He said all cases were being investigated under Sections 507B to 507G of the Penal Code.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : TWO BOYS FOUND DROWNED IN JOHOR LAKE

HARI : KHAMIS

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 23 OKTOBER 2025

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

TRAGEDY

Two boys found drowned in Johor lake

JOHOR BARU: Two children were found drowned in Tasik Menawan, Pelangi Indah, early yesterday.

Johor Jaya Fire Station operations commander Mohd Shafie Md Din said a 14-member team, assisted by the Water Rescue Team, found the victims at 2.28am, about 5m from the lakeshore.

He said they received a distress call at 9.44pm on Tuesday.

"The team was assisted by a fire rescue tender, an emergency

medical rescue services unit and a utility vehicle that were rushed to the scene.

"Upon arrival, two pairs of slippers, believed to belong to the victims, Muhammad Rayyan Iskandar Mohamed Hafizee, 9, and Muhammad Khalish Rayqari Hasimudi, 10, were found.

"Firefighters conducted a water surface search in the lake with a radius of 25 feet," he said in a statement.

He said the operation was later continued by using the arch pat-



Bystanders look on as rescuers search for the two boys in Tasik Menawan in Pelangi Indah, Johor Baru, yesterday. PIC FROM FIRE AND RESCUE DEPT

tern search technique within the same radius.

He said the victims were found

beneath rocks at a depth of 3m.

"They were confirmed dead and their bodies were handed

over to the police," he said.

He said the search and rescue operation ended at 3.05am.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



**MALAYSIA
MADANI**

TAJUK : PJ SCHOOL STABBING: BOY, 14, CHARGED WITH MURDER

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 23 OKTOBER 2025

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Members of the press covering the case gather at the court complex. —Bernama photo

PJ school stabbing: Boy, 14, charged with murder

PETALING JAYA: A 14-year-old boy was charged at the Magistrates' Court here yesterday with the murder of 16-year-old Yap Shing Xuen, who was fatally stabbed at a secondary school in Bandar Utama, Petaling Jaya last week.

No plea was recorded from the accused as murder falls under the jurisdiction of the High Court.

The teenager is accused of killing the victim in the female student's toilet between 9.20am and 9.35am on Oct 14.

He was charged under Section 302 of the Penal Code, which carries the death sentence or imprisonment of between 30

and 40 years, and not less than 12 strokes of the cane, upon conviction.

The in-camera proceedings were conducted before Magistrate Amira Sariaty Zainal, with only the teenager's family permitted in the courtroom as the case involves a juvenile.

Deputy public prosecutor Raja Zaizul Faridah Raja Zaharudin appeared for the prosecution, while the accused was represented by counsel Anwar Ezzad Zainal.

The court set Nov 21 for the case mention.

Earlier, the accused arrived at the court at approximately 8.50am in a police van.

Selangor police chief Datuk Shazeli Kahar was previously reported saying that a preliminary post-mortem report established the cause of death as multiple stab wounds to the victim's chest and neck.

Yap's mother Wong Lee Ping told a press conference on Oct 16 that the Form 3 girl had been stabbed more than 200 times.

She also insisted that her daughter had neither prior relationship with the accused nor mentioned being approached by him previously.

Yap was cremated at the Nirvana Crematorium in Shah Alam on Monday. — Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PSYCHIATRIC EVALUATION FOR TEENAGER

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 23 OKTOBER 2025

M/SURAT : 07

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

Psychiatric evaluation for teenager

Court allows bid after boy charged with girl's murder

By TEH ATHIRA YUSOF
tehathirayusof@thestar.com.my

PETALING JAYA: The 14-year-old boy charged with the murder of his schoolmate will undergo psychiatric evaluation at Hospital Bahagia Ulu Kinta in Perak.

Magistrate Amira Sariaty Zainal granted the application made by his lawyer Anwar Ezzad Zainal under Section 342 of the Criminal Procedure Code (CPC).

Section 342 stipulates that an accused person suspected of being of unsound mind may be sent for mental evaluation at a gazetted government hospital to determine his or her fitness to stand trial.

The matter was confirmed by lawyer Kitson Foong, who appeared as amicus curiae (friend of the court) during the closed-door proceedings yesterday.

The boy cannot be named, as he is a juvenile according to the Child Act.

Media personnel, who gathered at the court as early as 7am, were

WATCH THE
V DEO
TheStarTV.com



barred from entering the courtroom.

He was brought in an unmarked white van and was led to the courtroom through an internal route.

Outside the courtroom, Foong said the application was made in his best interests to ensure he received reasonable arrangements for his protection against self-harm during his detention, as well as for the safety of others around him.

"The psychiatric evaluation must also assess his fitness to plead, his capacity to enter a plea and his understanding of the nature of the proceedings held today (yesterday).

"What is most important is his state of mind before and during the offence committed," he told



Facing the law: Media personnel approaching the van carrying the 14-year-old accused as it arrives at the Petaling Jaya Court Complex. — LOW BOON TAT/The Star

reporters after the proceedings at the Magistrate's Court here yesterday.

Foong also confirmed that the psychiatric evaluation will be done at Hospital Bahagia Ulu Kinta in Perak.

Earlier, the boy was charged with the murder of a 16-year-old girl at the female toilet of a secondary school in Bandar Utama here between 9.20am and 9.35am on Oct 14.

According to Foong, the boy kept silent as he stood beside his parents when the charges were read out to him by the court interpreter. He also nodded after the charges were read.

No plea was recorded as murder cases fall under the jurisdiction of the High Court.

Deputy public prosecutors Raja Zaizul Faridah Raja Zaharudin, Aqharie Durranie Aziz and Nur Sabrina Zubairi

appeared for the prosecution.

The charge was made under Section 302 of the Penal Code for murder and carries a death sentence or imprisonment between 30 and 40 years and a minimum of 12 strokes of the rotan.

The court fixed Nov 21 for case mention and the submission of forensic and pathology reports.

On Monday, the 16-year-old victim, Yap Shing Xuen, was cremated.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



**MALAYSIA
MADANI**

TAJUK : TWO BOYS FOUND DROWNED AT LAKE

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 23 OKTOBER 2025

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Two boys found drowned at lake

JOHOR BARU: Two boys were found dead at a lake here.

Aged nine and 10, they were believed to have left their homes to go to the lake in Taman Pelangi Indah at around 2pm on Tuesday, Johor Jaya Fire and Rescue Station chief Mohd Faiz Ramli said.

"A total of 14 personnel were dispatched to the scene after a distress call was received at 9.44pm.

"Upon arrival, the team found two pairs of slippers believed to belong to the missing boys. Following a search and rescue operation, their bodies were found at 2.28am," he said.

He said both boys were found beneath a rock at a depth of 3m, about 5m from the shore.

In an unrelated case in Kota Tinggi, a secondary school student and a soldier were killed after their car caught fire following an accident near an oil palm plantation at KM32 of the Tanjung Balau-Sedili road.

Kota Tinggi OCPD Supt Yusof Othman said police were alerted about the tragedy which happened at about 4.30am yesterday.

"The accident is believed to have occurred when the 21-year-old man driving the car lost control of the vehicle, causing it to skid and crash into an oil palm tree before catching fire.

"The driver and a 17-year-old girl, who was the front seat passenger, sustained severe injuries and burns and died at the scene," he said in a statement.

The bodies have been sent to Hospital Kota Tinggi's Forensic Unit.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : TEEN CHARGED WITH SCHOOLMATE MURDER

HARI : KHAMIS

TARIKH : 23 OKTOBER 2025

TONE : NEGATIF

AKHBAR : THE SUN

M/SURAT : 01&03

SEKTOR : KPWK

Teen charged with schoolmate murder

Report on: page 3

Court orders psychiatric evaluation for 14-year-old accused to assess his fitness to plead and state of mind at time of alleged offence.



Fataly stabbed student Yip Shing Yuen was committed on Monday after a funeral service attended by hundreds of relatives, friends, and schoolmates. — BERHARAP

Teen faces murder charge over death of schoolmate

BY FAIZ RUZMAN
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: A 14-year-old student was charged at the Magistrate's Court here yesterday with the murder of a schoolmate, Yip Shing Yuen, 16, in a case that has gripped the nation and reignited public debate over school safety and mental health.

The teenager, clad in a t-shirt and long trousers, was escorted under tight police supervision into the Petaling Jaya Court Complex. His parents remained in the courtroom and avoided the media outside the building until proceedings concluded.

The charge, framed under Section 302 of the Penal Code, was read out before Magistrate Anura Suresh Zainal.

The boy is accused of murdering Yip between 9.30am and 9.35am on Oct 14 in the female students' toilet on the ground floor of SMK Bandar Utama (4).

Magistrate orders psychiatric assessment to determine mental state and fitness to plead, case to be heard in High Court

Following a request by defence counsel Anwar Razad Zainal, the court ordered the accused to undergo psychiatric evaluation at Hospital Bahagia in the Kinross Park, under Section 342 of the Criminal Procedure Code (CPC).

Lawyer Kiaton Fong, appearing as amicus curiae (friend of the court), confirmed the order and said the application was made in the boy's best interests.

"The psychiatric report must address his fitness to plead, whether he is capable of entering a plea and understands the nature of the proceedings today."

"More importantly, it must assess his state of mind at the time of the alleged offence," Fong

told reporters. He added that the evaluation was also necessary to safeguard the accused's wellbeing and ensure he receives treatment if any condition affecting his mental state is identified.

The charge was read out in Mandarin and the accused nodded to indicate he understood.

No plea was recorded as the Magistrate's Court does not have the authority to hear murder cases. The trial will be transferred to the High Court.

According to the charge sheet, the offence is punishable under Section 302 of the Penal Code, which carries the death penalty or imprisonment of between 30 and 40

years, and no less than 12 strokes of the cane if death is not imposed.

The court fixed Nov 21 for case management and the submission of forensic and pathology reports.

The prosecution team was led by DPP Raja Zairul Farid Raja Zaharudin, assisted by Ashtar Durranie Aziz, Nur Sabrina Zahari and Nurul 'Izzati Mohd.

Yip, a Form Three student, was found dead inside the school washroom on Oct 14 after reportedly being attacked by a male schoolmate.

Her death sent shockwaves nationwide, prompting calls for stronger safety protocols and mental health support in schools.

She was cremated on Monday after a funeral attended by hundreds of relatives, friends and schoolmates.

On Tuesday, the Attorney-General's Chambers confirmed it found sufficient grounds to charge the boy after reviewing investigation papers submitted by the police.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA
MADANI

TAJUK : TWO BOYS DROWN IN LAKE

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE SUN

TARIKH : 23 OKTOBER 2025

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Two boys drown in lake

JOHOR BAHRU: The bodies of two boys were found on Tuesday night, believed to have drowned in Tasik Menawan at Taman Pelangi Indah.

Johor Jaya Fire and Rescue Station operations commander Shafie Md Don said a distress call was received at 9.44pm, and a rescue team arrived about 10 minutes later.

"Upon arrival, we found two pairs of slippers by the lake, believed to belong to the two children, aged nine and 10, who had been reported missing.

"The rescue team carried out a surface search within a 7.6m radius before divers from the Water Rescue Unit continued the operation using the arch pattern technique," he said in a statement yesterday.

He said the victims were found at a depth of about three metres beneath a rock, roughly five metres from the lake bank, at 2.28am.

He added that both victims were pronounced dead at the scene and their bodies were handed over to police for further action.

Authorities identified the boys as Muhammad Rayyan Iskandar Mohamed Hafizie, 9, and Muhammad Khalish Rayqarl Hasimibudi, 10.

The rescue operation, involving 14 personnel from the Johor Jaya Fire and Rescue Station and assisted by a team from the Skudai station, ended at 3.05am. – Bernama